

UMS disaran tingkat penyelidikan ilmiah

Khususnya berkaitan Orang Asal di Sabah yang masih ketinggalan dalam politik pembangunan

UB 20/12/19 3

Oleh Amir Anuar

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) disaran supaya menjalankan lebih banyak kajian dan penyelidikan ilmiah serta saintifik berkaitan Orang Asal (OA).

Menenti Undang-Undang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah Datuk Aidi Moktar berkata kementeriannya sentiasa terbuka untuk menjalin kerjasama dalam penyelidikan berkaitan.

"Khususnya, Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS) UMS serta penyelidik dari universiti awam lain di negara ini yang bersesuaian dengan fungsi kementerian," katanya.

Aidi berkata demikian semasa berucap merasmikan Seminar Pembangunan Orang Asal (SPOA) 2019 : Cabaran dan Kelestarian di Dewan Resitil UMS, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, isu pembangunan OA di negeri ini dilihat lebih menjurus kepada aspek perlindungan hak asasi, nilai tradisi, sempadan tanah adat dan sumber alam semula jadi.

"Isu-isu ini antara sebahagian fungsi kementerian diwujudkan oleh Kerajaan Negeri serta melindungi hak-hak adat dan nilai-nilai tradisi budaya yang diwarisi selama ini," katanya.

Beliau berkata kementeriannya juga menyedari bahawa OA masih menjadi kelompok komuniti yang ketinggalan dalam aspek penglibatan di dalam politik pembangunan.



PENGHARGAAN: Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin menyerahkan cenderamata penghargaan kepada Aidi.



PERASMIAN: Aidi memalugong sebagai simbolik perasmian SPOA 2019 yang diadakan selama dua hari di Dewan Resitil UMS.



SEMINAR: Peserta-peserta seminar merakamkan foto bersama Aidi dan Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin.

Menurutnya, Kerajaan Negeri lebih awal mengiktiraf hak asasi dan tradisi OA melalui Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992, berbanding deklarasi hak asasi OA United Nation.

"Sebagai menteri, saya juga sedar banyak kritikan diberikan pihak tertentu terhadap pelaksanaan Mahkamah Anak Negeri (MAN), khu-

susnya mengatasi isu kes tertangguh.

"Kita masih memperhalusi kelemahan peruntukan undang-undang yang ada dan membentuk satu jawatankuasa pemandu yang terdiri daripada pakar dan profesional.

"Kita perlu mengkaji keperluan penstrukturkan semula MAN dari segi hierarki

serta mewujudkan beberapa undang-undang seperti Undang-Undang Pentadbiran MAN.

Termasuk Prosedur Sivil, Prosedur Jenayah, Undang-Undang Keterangan, Undang-Undang Kesalahan Jenayah serta Undang-Undang Keluarga MAN," katanya.

Menyentuh inisiatif BorIIS UMS dan Fakulti Sains Ke-

manusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menganjurkan SPOA 2019 pula, beliau memuji pengjurannya.

"SPOA sangat relevan kerana mampu menjadi suara dan menyampaikan hasrat atau aspirasi OA dan (seiring) pelan tindakan 17 teras 'Sustainable Development Goals', " katanya.